

Headline	30serbuandi 8 daerah SINDIKET BITCOIN RM1.2 JUTA PUNAH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	22
ArticleSize	296 cm ²	Journalist	Oleh Ruwaida Md Zain
PR Value	RM 34,848		



SINDIKET BITCOIN RM1.2 JUTA PUNAH

30 serbuan di 8 daerah

Oleh Ruwaida Md Zain
am@metro.com.my

Shah Alam

Sindiket mencuri elektrik bagi aktiviti perlombongan mata wang digital bitcoin terbesar di Malaysia bernilai RM1.282 juta berjaya ditumpaskan polis Selangor.

Ia susulan penahanan sembilan lelaki tempatan yang juga pakar serta juruteknik mesin bitcoin pada Selasa lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, penahanan semua suspek membawa kepada 30 serbuan serentak di la-pua daerah di negeri ini.

Menurutnya, kejayaan itu turut dibantu Pasukan Seal

Tenaga Nasional Bhd (TNB) yang melancarkan Op Lek-trik bersama anggota Jaba-tan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor

“Sembilan lelaki tempa-tan berusia antara 18 hingga 27 tahun yang ditahan itu menunjukkan premis me-lombong bitcoin di bawah kawalan mereka,” katanya semalam.

Beliau berkata, selain rampasan 2,137 unit mesin melombong bitcoin bernilai RM1.282 juta itu, polis turut merampas 10 unit kompu-ter riba, lima set komputer dan enam unit grafik kad melombong Ethereum.

“Hasil siasatan dan risi-kan mendapati aktiviti ha-ram itu dijalankan sejak September tahun lalu de-

ngan anggaran kerugian TNB berjumlah RM24.36 ju-ta,” katanya.

Arjunaidi berkata, semua suspek direman mengikut Seksyen 379/427 Kanun Ke-seksaan dan Seksyen 37 (1) Akta Bekalan Elektrik 1990, iaitu dengan curang meng-gunakan elektrik yang boleh dihukum tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak me-lebihi 10 tahun atau ke-dua-duanya.

“Siasatan ini juga men-jurus bagi mengetahui da-lang kepada kumpulan ini sehingga boleh menjalan-kan aktiviti berkenaan da-lam skala besar di Selangor,” katanya.

“Pihak JSJ IPK Selangor mula menjalankan risikan terhadap sindiket ini sejak Jun lalu,” katanya.



ANTARA peralatan yang dirampas dari sindiket mencuri arus elektrik bagi aktiviti perlombongan bitcoin ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, semalam.